View metadata, citation and similar papers at core.ac.uk
brought to you by CORE
provided by The International Islamic University Malaysia Repository

















**RENCANA**

ARKIB : 11/08/2008

0

# Memulakan program kompos di rumah

Oleh KHAIRUSY SYAKIRIN HAS-YUN HASHIM

SALAH satu jenis sampah yang banyak dihasilkan oleh masyarakat Malaysia ia- lah sisa-sisa makanan, atau lebih dikenali sebagai sampah dapur.

Mengikut sumber, kadar kitar semula di Malaysia cuma sekitar lima peratus. Oleh kerana sifat sampah dapur yang basah dan bercampur-gaul dengan pelbagai bahan, maka ia tidak boleh dikitar semula. Maka, ia perlu terus dibuang ke tapak pelupusan sampah.

Jika diteliti, sampah dapur juga mempunyai nilai untuk dikitar semula. Mungkin bukan untuk dijadikan sesuatu barangan lain, seperti sampah kertas yang boleh dikitar semula untuk dijadikan kertas. Sebaliknya, sampah dapur boleh dikompos. Malah, setiap daripada penduduk di Malaysia, juga boleh memainkan peranan ini.

Malah, apabila Perdana Menteri Malaysia merasmikan program Bumi Hijau, tentunya baja dan tanah turut memainkan peranan yang penting. Penulis ingin mencadangkan supaya setiap rumah di kawasan perumahan terancang, perlu juga disediakan kawasan dan peralatan kompos yang bersesuaian dengan reka bentuk rumah tersebut.

Compost tulisan Clare Foster (2002) secara terperinci menerangkan kepada pembaca untuk bagaimana memulakan program kompos di rumah dengan pelbagai kaedah yang mudah dan murah.

Aktiviti pengkomposan bukannya satu perkara baru di dalam masyarakat Malaysia. Malah ia telah lama wujud dalam peradaban manusia. Sampah-sampah dari sumber makanan tidak dibuang begitu sahaja, sebaliknya sama ada dikompos di dalam tanah atau dibakar untuk dijadikan baja. Tentunya apabila sesuatu bangsa itu semakin bertambah, makanan akan turut bertambah, lantas menambahkan kuantiti sampah dapur. Ia perlu diurus sebaik yang mungkin.

Oleh kerana sifatnya yang tidak boleh dikitar semula, maka kebanyakan majlis tempatan akan menghantar sampah dapur terus ke kawasan pembuangan sampah. Bayangkanlah berapa banyak kawasan tanah diperlukan untuk tujuan ini, yang seharusnya dalam kepesatan ekonomi dan teknologi di Malaysia, pengurusan sampah perlu turut berkembang pesat.

Foster mencadangkan langkah-langkah yang lebih mudah dan murah. Setiap penduduk boleh membantu kerajaan di dalam menguruskan sampah-sampah dapur mereka. Yang diperlukan hanyalah perkakasan mudah - sejumlah kuantiti tanah yang minimum, bekas-bekas (seperti pasu) dan beberapa bahan yang boleh membantu mempercepatkan proses kompos, juga sejumlah cacing.

Menurut buku ini, di beberapa buah negara maju, perkakasan kompos boleh dibeli terus dari kedai. Namun begitu, Foster menunjukkan kaedah-kaedah mudah untuk membina sendiri perkakasan kompos. Misalnya, dengan menggunakan pasu bunga atau kayu yang kemudiannya dibentuk sebagai kotak.

Pengkomposan sampah paling mudah dilakukan dengan menanamkannya di dalam lapisan-lapisan tanah. Foster juga menerangkan bagaimana tanah tersebut boleh disuburkan, dengan menambah beberapa kandungan hirisan sayur dan buah. Manakala untuk mengelakkan bauan busuk daripada sampah, Foster mencadangkan supaya bahan-bahan kering seperti jerami perlu ditambah.

Menerusi buku ini, pembaca akan menyedari bahawa pengkomposan juga merupakan satu bentuk seni. Selain daripada membantu mengurangkan sampah ke tempat pembuangan sampah, juga turut berfungsi sebagai satu aktiviti yang sihat.

0 0 0 0
Like



Waktu Solat Kuala Lumpur
Subuh 5:45
Zohor 1:06
Asar 4:29
Maghrib 7:03
Isyak 8:17
Klik untuk waktu solat kawasan lain
IKLAN@UTUSAN
Adakah perniagaan anda dihubungkan kepada 2,100 komuniti di seluruh Asia?
MAKLUMATNYA DI SINI
Maybank
ePlayer Sukan
IKLAN@UTUSAN
BANCIAN ONLINE

Hiburan
Rancangan TV
Feminin
Pendidikan
Sains & Teknologi
Agro
Kesihatan
S3
Polis & Tentera
Sastera

ARTIKEL

Rencana
Cuit
Selak
Awang Selamat
Kolumnis
Forum
Catatan Kembara

CAPAIAN LAIN

Classifieds
Utusan Airtime
Portal Pendidikan
Kosmo! Online
Mangga Online
Saji Online
MyBooks
Kareer
Utusan Karya
Laman Xtive

LAMAN KHAS

Liga M 2010
PRK 2010
UMNO 2011
Sharlinie
Salam Perantauan

• Akta rangkum kepentingan semua
• Jangan biar UMNO dipersenda
• Keseimbangan antara kebebasan bersuara dan hak rakyat
• BISIK-BISIK AWANG SELAMAT
• Orang UMNO selepas amanat dan ikrar Disember 2011
• Mencari pembahas bermutu dalam UMNO
• Hiburan antara seni dan hedonisme

IKLAN@UTUSAN

IKLAN TEKS

• BACA QURAN SETIAP HARI, tapi tajwidnya ditahap beginner-kah?, pertengahan atau pro? UPGRADE sekarang!
• It's a great time to get a great-looking new PC. Offers here.

Utusan Online
Like

235,788 people like **Utusan Online**.

Chiaki Carol, Ruzaimah, Ranofla, Jeghi, Haniza, Shahrul, Rabiatul Ada, Hazman, Salihin

erryna, Arif, Zaiton, Anieza, Jasasikin, Faizul, Wira, Safiy, Ashukori

Utusan Online on Facebook

-

**Sukan bola sepak negara boleh menjadi lebih maju jika:**

- Guna jurulatih import
- Perlawanan persahabatan
- Latihan di luar negara
- Imbuhan lebih tinggi

Undi

Lihat Keputusan

IKLAN@UTUSAN




MENARIK

Sertai Peraduan Perdana Spot Bola
Menangi MyVi dan pelbagai hadiah hebat.

Debat Bahasa Melayu 211 jam
Catat rekod baru Malaysia Book of Records.

Saksikan TV1, TV2, TV Al-Hijrah
Streaming secara langsung dari PC anda.

Ruang iklan percuma hartanah, produk
Promosikan perniagaan anda kepada dunia.

Jom langgan akhbar Utusan Malaysia
Dapatkan terus akhbar dengan cara mudah.

Aduan sukar dapat nashkah akhbar
Beritahu kami jika akhbar tiada di tempat anda.

Gambar kahwin Album Raja Sehari
Abadikan kenangan indah anda di dada akhbar.

Mari baca Utusan Melayu Mingguan
Kekalkan tradisi, pelajari tulisan jawi.

SMS News Alert Utusan Malaysia
Dapatkan berita terkini di telefon bimbit anda.

DARI TUTOR.COM.MY

"Dapatkan Pakej Pembelajaran Online yang boleh membantu anda berhadapan peperiksaan dengan penuh yakin!!"

KAREER.COM.MY Jawatan Terkini

• **Accounts Executive** › EXQUISITE RESOURCES SDN BHD
• **PENOLONG PEGAWAI PROJEK BENGKEL JAHIT (PEMOTON** › MAIS Zakat Sdn Bhd
• **PEGAWAI NAZIRAN** › MAIS Zakat Sdn Bhd
• **PENOLONG PEGAWAI PROJEK AGIHAN MAKANAN** › MAIS Zakat Sdn Bhd
• **Application Analyst (Domain)** › Kareer Advertiser
• **Shopping Centre Manager** › Kareer Advertiser
• **Customer Service front office** › Kareer Advertiser

• **Maintenance Supervisor** › Kareer Advertiser
• **Leasing Manager** › Kareer Advertiser
• **Administration Manager** › Kareer Advertiser
• **Customer Service (Walk in interview)** › Kareer Advertiser


**© UTUSAN MELAYU (M) BERHAD, 46M, Jalan Lima Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.**